

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

BAHAGIAN A Sistem Bahasa dan Pemahaman

◀ SP 2.1.1; 5.1.1; 5.1.4; 5.2.1; 5.6.1


Soalan 1 – 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Pihak berkuasa menjalankan _____ tentang punca pencemaran di Sungai Muar.

A siasatan	C selidikan
B kajian	D ujian

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- Ada dua ekor burung yang sayapnya berwarna-warni _____ di atas dahan pokok meranti.

A bertenggek	C berteduh
B bersila	D berlindung
- Kami sekeluarga pernah _____ di Hutan Simpan Royal Belum pada cuti sekolah yang lalu.

A berlencong	C bercuti
B berjalan	D bersiar

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- Di tepi sungai itu _____ sampah yang dibuang oleh pihak pengilang.

A berhimpit-himpit
B bertindih-tindih
C bersesak-sesak
D berlonggok-longgok
- Seminar yang diadakan ini _____ boleh mendedahkan petani tentang kaedah fertigasi.

A semahu-mahunya
B seboleh-bolehnya
C seakan-akannya
D setidak-tidaknya

Soalan 6 – 7

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Semua petani-petani akan memasarkan

A	B
produk	keluaran
C	mereka
bantuan, pihak FAMA.	Tiada kesalahan
D	
- Kami bertanya kepada pegawai yang

A
bertugas
B
semasa berkunjung
C
itu. Tiada kesalahan
D

Soalan 8 – 9

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

8. I Hanif *memetik* gitar sambil bernyanyi.
II Datuk *memetik* buah roselle di kebunnya.
III Abang Kamal *memetik* kelapa muda dengan menggunakan galah.
IV Para pekerja *memetik* rumput yang panjang di kebun buah-buahan itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
9. I Pak Mail memungut durian yang gugur di *dalam* dusunnya.
II Beliau mempunyai pengetahuan yang *dalam* tentang bidang perladangan.
III Sila berhati-hati kerana kolam ikan kerapu hibrid itu agak *dalam*.
IV Kursus penternakan ikan sedang berlangsung di *dalam* dewan itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 10 – 11

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

10. Pendapatan yang meningkat dari setahun ke setahun menyebabkan abang ingin memperluas ladang cilinya.
A daripada setahun ke setahun
B pada setahun ke setahun
C dari tahun ke tahun
D dari setahun ke setahun
11. Rencana yang ditulis oleh Encik Lee berdasarkan kepada penjelajahannya di Hutan Royal Belum.
A berdasarkan penjelajahannya
B berdasarkan pada penjelajahannya
C berdasarkan akan penjelajahannya

- D berdasarkan kepada penjelajahannya

Soalan 12

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

12. **Aiman tidak dapat menyertai aktiviti perkhemahan pada hari Sabtu ini kerana dia tidak sihat.**
A Oleh kerana Aiman tidak sihat, dia tidak dapat menyertai aktiviti perkhemahan pada hari Sabtu ini.
B Pada hari Sabtu ini, Aiman tidak sihat yang menyebabkannya tidak dapat menyertai aktiviti perkhemahan.
C Aktiviti perkhemahan tidak dapat disertai oleh Aiman kerana dia tidak sihat pada hari Sabtu ini.
D Pada hari Sabtu, Aiman memberitahu bahawa dia tidak dapat menyertai aktiviti itu kerana dia tidak sihat.

Soalan 13

Pilih ayat-ayat yang betul.

13. I Pokok kelapa hibrid itu sangat rendah.
II Petugas itu mengedarkan brosur kepada para pengunjung.
III Tanaman kelapa sawit banyak terdapat di negeri Perak.
IV Harga ikan ini amat termahal sekali.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 14

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

14. Peribahasa yang berikut jelas menggambarkan bahawa seseorang yang mengerjakan sesuatu dengan rajin, **kecuali**
A seperti anai-anai makan kayu.
B bagai lebah menghimpun madu.
C biar berputih tulang, jangan berputih mata.
D di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Soalan 15 – 17 berdasarkan sajak di bawah.

Aku

Tidak ada manusia lain
di pantai ini
kecuali diriku.

Kusur pasir panjang
sambil kubayangkan
aku ini Adam.

Hari inilah aku tercipta
dan pertama kali melihat
laut, langit, dan pohon.

Kelmarin aku belum ada
tidak terdengar olehku
bunyi ombak itu.

Tidak terasa olehku
sentuhan angin ini
bertiup di mana-mana.

Bahkan aku tidak tahu
kulit kerang dan ru
pernah wujud di sini.

Tuhan
aku percaya Kau Pencipta
kerana aku baru ada.

ROSLI K. MATARI

Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

Sudut Sastera

► Sajak ialah sejenis puisi moden yang bebas
sifatnya, tidak terikat pada sesuatu pola
khusus seperti pantun atau syair.

15. Apakah yang dibayangkan oleh penyajak apabila menyusuri pantai yang panjang?
- A Berasa kagum akan keindahan pantai
 - B Membayangkan dirinya Adam
 - C Melahirkan rasa gembira akan ciptaan Tuhan
 - D Membayangkan dirinya baru dilahirkan
16. Apakah persoalan yang terdapat dalam sajak di atas?
- A Bersyukur kerana dilahirkan serta melihat dunia
 - B Berasa insaf akan kesalahan yang lalu
 - C Menghargai alam yang dicipta Tuhan
 - D Berasa tenang apabila menikmati keindahan alam
17. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang sajak di atas?
- A Rima akhir setiap rangkap adalah sama.
 - B Bilangan baris setiap rangkap tidak sama.
 - C Sajak ini berbentuk bebas.
 - D Jumlah patah perkataan sama.